

- 45 Wanita hamil itu kelihatan berselera ketika makan buah mangga _____ walaupun rasanya _____.
- tua ... manis
 - harum ... masin
 - ranum ... pahit
 - muda ... masam
- 46 Tangan Hanida melecur kerana terkena air _____ semasa membancuh kopi untuk ayahnya.
- panas
 - suam
 - sejuk
 - kotor
- 47 Laila _____ ibunya pergi ke Bazaar Baru Chow Kit untuk membeli barang-barang basah.
- dan
 - maka
 - untuk
 - antara
- 48 "Encik hendak makan roti canai _____ nasi lemak?" tanya pelayan kedai itu kepada Nabil.
- lalu
 - bagi
 - atau
 - sambil
- 49 Idora tidak mampu membeli rantai emas itu _____ dia terlalu menginginkannya _____ harganya begitu mahal.
- namun ... sebab
 - bahawa ... serta
 - sungguhpun ... dan
 - walaupun ... kerana
- 50 Hilmi memberitahu ayahnya _____ dia tidak sihat _____ mahu pergi ke klinik.
- bahawa ... dan
 - bahawa ... agar
 - walaupun ... serta
 - walaupun ... tetapi
- 51 "Sentiasalah mengulang kaji pelajaran _____ awak tidak akan ketinggalan dalam pelajaran," kata Puan Tom kepada anaknya, Zulfa.
- agar
 - bahawa
 - meskipun
 - walaupun
- 52 Puan Zaleha menegur anaknya kerana dia makan _____ berjalan.
- yang
 - sambil
 - bahawa
 - walaupun
- 53 "Anak saya yang _____ telah melanjutkan pelajaran ke Australia pada tahun lepas," kata Encik Subramaniam.
- satu
 - pertama
 - berempat
 - kedua-dua
- 54 _____ orang pendatang asing tanpa izin telah berjaya ditahan oleh penguat kuasa Imigresen pada malam tadi.
- Berpuluh-puluh
 - Kesepuluh
 - Setengah
 - Setiap
- 55 Aleeya dan Diana menunjukkan bakat _____ dalam seni menggubah bunga.
- segala
 - setiap
 - beberapa
 - masing-masing
- 56 _____ daripada wang saku Ika dibelanjakan untuk membeli buku rujukan.
- Bermacam-macam
 - Sesetengah
 - Sebahagian
 - Setiap
- 57 _____ peserta dikehendaki mendaftarkan diri di meja urus setia sebelum pertandingan bermula.
- Segala
 - Semua
 - Segenap
 - Setengah
- 58 Murid yang otak cair itu _____ menjawab semua soalan yang diberikan dengan tepat.
- hendak
 - sedang
 - belum
 - dapat
- 59 Joane berasa kecewa kerana surat panggilan temu duga yang ditunggu-tunggunya _____ sampai.
- akan
 - masih
 - sudah
 - belum
- 60 Aznil berhasrat hendak bercuti ke Disneyland kerana dia _____ sampai ke situ.
- belum pernah
 - belum boleh
 - baru hendak
 - patut dapat